



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987**  
**DR.2/1987**

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Akta Mahkamah Rendah 1948 (kecuali seksyen 110 dan 111) dan segala undang-undang bertulis lain adalah dipinda—Pertukaran nama Mahkamah Sesyen dan Yang Dipertua. Akta 92.
  - (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “President of a Sessions Court” atau “President of the Sessions Court” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “Sessions Court Judge”;
  - (b) dengan menggantikan perkataan “President”, di mana jua ia merujuk kepada seorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen, dengan perkataan-perkataan “Sessions Court Judge”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Registrar of the Sessions Court" di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan "Registrar of the Subordinate Courts",

baik dalam bilangan tunggal mahupun bilangan jamak mengikut kehendak keadaan.

Pindaan  
Seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta Mahkamah Rendah 1948, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong takrif "Assistant Registrar" dan "Registrar".

Pindaan  
seksyen 65.

4. Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "twenty five" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "one hundred".

Pindaan  
seksyen 70.

5. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "twenty four" di mana jua ianya terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "ninety six"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "two" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "eight".

Pindaan  
seksyen 72.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "twenty four" dalam seksyen 72 dengan perkataan-perkataan "ninety six".

Pindaan  
seksyen 73.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "twenty five" dalam seksyen 73 dengan perkataan-perkataan "one hundred".

**8.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 78, seksyen baru 78A yang berikut: Seksyen baru 78A.

“Qualifications of First Class Magistrates. 78A. No person shall be appointed to be a First Class Magistrate unless he is a member of the Judicial and Legal Service of the Federation:

Provided that this section shall not prevent the appointment of a person to act temporarily as a First Class Magistrate.”.

**9.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 89 dengan seksyen 89 baru yang berikut: Pindaan seksyen 89.

“Sentences within competence of Second Class Magistrate. 89. A Second Class Magistrate may pass any sentence allowed by law not exceeding—

- (a) six months imprisonment;
- (b) a fine of not more than one thousand ringgit; or
- (c) any sentence combining either of the sentences aforesaid.”.

**10.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “ten” dalam seksyen 90 dengan perkataan-perkataan “twenty five”. Pindaan seksyen 90.

**11.** Seksyen 92 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 92.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “two hundred and fifty” dalamnya dengan perkataan-perkataan “three thousand”; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “in West Malaysia and five hundred ringgit in Sabah and Sarawak” dalamnya.

**12.** Subseksyen (1) seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 93.

- (a) dengan menggantikan perkataan “twelve” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “twenty four”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "twenty four" di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan "ninety six";
- (c) dengan menggantikan perkataan "one" dalam proviso (a) (i) dengan perkataan "two";
- (d) dengan menggantikan perkataan "two" dalam proviso (a) (ii) dengan perkataan "eight";
- (e) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (a);
- (f) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma bertitik; dan
- (g) dengan memasukkan perenggan baru (c) yang berikut:

“(c) section 73 (b) shall be read as if the words “twenty five thousand” were substituted for the words “one hundred thousand”.

Pindaan  
Jadual  
Keempat.

**13.** Jadual Keempat kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Assistant District Officers in Sabah” di bawah kepala “EX OFFICIO SECOND CLASS MAGISTRATES” dengan yang berikut:

“Senior Registrars and Registrars of the Sub-ordinate Courts.”.

---

#### HURAIAN

1. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda berbagai peruntukan Akta Mahkamah Rendah 1948 dan undang-undang bertulis lain untuk meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.
2. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1948 dan undang-undang bertulis lain (termasuk perundangan subsidiari) bagi maksud menamakan semula Yang Dipertua

Mahkamah Sesyen sebagai Hakim Mahkamah Sesyen. Pindaan ini tidak akan terpakai bagi seksyen 110 dan 111 Akta Mahkamah Rendah 1948.

3. *Fasal 4, 5, 6 dan 7* bertujuan meningkatkan bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Sesyen dari \$25,000.00 kepada \$100,000.00 dalam tuntutan sivil biasa dan di mana tuntutan itu ialah berkenaan dengan harta tak alih tuntutan setinggi-tingginya bagi tuntutan itu ialah sekarang ini ditingkatkan kepada tidak melebihi \$96,000.00 setahun atau \$8,000.00 sebulan. Dengan kenaikan bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Sesyen itu adalah dijangkakan bahawa sebilangan guaman sivil yang sekarang ini termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan yang boleh diuruskan dengan sesuainya oleh Mahkamah Sesyen akan dimulakan sedemikian itu.

4. *Fasal 8* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 78A yang menurutnya perlantikan Majistret Kelas Satu hendaklah dibataskan kepada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan sama seperti perlantikan seorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen. Pindaan ini adalah perlu untuk memastikan bahawa hanya seseorang yang berkelayakan dalam undang-undang dan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sahaja akan dilantik supaya mutu kerjanya mencapai standard yang dikehendaki. Tidak sukar mendapatkan orang berkelayakan sedemikian untuk memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan memandangkan bertambahnya bilangan siswazah undang-undang. Bagaimanapun, sama seperti dengan Yang Dipertua Mahkamah Sesyen seseorang yang bukan seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan boleh juga dilantik sebagai Majistret Kelas Satu secara sementara.

5. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 89 Akta Mahkamah Rendah 1948 yang menurutnya kuasa untuk menjatuhkan hukuman oleh Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat sekarang ini ditingkatkan kepada hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda satu ribu ringgit atau kedua-duanya sama seperti di Sabah dan Sarawak.

6. *Fasal 10* bertujuan meningkatkan bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Majistret Kelas Satu daripada jumlah sekarang ini sebanyak \$10,000.00 kepada \$25,000.00 dan *fasal 11* bertujuan untuk meningkatkan bidang kuasa sivil bagi Majistret Kelas Dua daripada jumlah sekarang ini sebanyak \$250.00 di Malaysia Barat dan \$500.00 di Sabah dan Sarawak kepada angka yang standard sebanyak \$3,000.00 di seluruh Malaysia. Dengan dijangka bertambahnya bilangan kes yang akan difailkan di Mahkamah Sesyen setengah-setengah daripada kes itu yang sekarang ini

sedang difailkan di Mahkamah Sesyen bolehlah, selepas pindaan ini, difailkan di Mahkamah Majistret. Ini akan membantu mengurangkan beban Mahkamah Sesyen hasil dari peningkatan bidang kuasa itu.

7. Pindaan-pindaan yang terkandung dalam *fasal 12* adalah pindaan-pindaan yang berbangkit.

8. *Fasal 13* bertujuan melantik secara automatik Pendaftar Kanan dan Pendaftar Mahkamah Rendah menjadi Majistret Kelas Dua secara *ex-officio* dan ini membolehkan mereka untuk bersidang dalam Mahkamah Majistret.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1408.]